



## SIARAN AKHBAR

### **PENIPUAN MENGGUNAKAN NAMA DAN LOGO BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK**

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerima maklumat mengenai beberapa penipuan kewangan yang menggunakan nama dan logo BDCB, dan nama dan logo BDCB sebelum ini, iaitu Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD). BDCB telah menerima aduan mengenai orang ramai yang dihubungi oleh individu-individu yang menyamar sebagai kakitangan BDCB melalui panggilan telefon, Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), atau aplikasi seperti WhatsApp dan Telegram. Individu tersebut bertujuan untuk mendapatkan butiran peribadi dan perbankan dengan niat untuk mendapatkan akses kepada akaun bank mangsa untuk mencuri daripada mereka. Sesetengah penipuan kewangan juga menggunakan nama dan logo BDCB untuk mendakwa bahawa terdapat yuran atau caj yang perlu dibayar.
2. BDCB tidak akan menghubungi orang ramai untuk meminta maklumat peribadi atau perbankan, atau untuk pembayaran, sama ada melalui telefon ataupun pesanan ringkas. Orang ramai disarankan untuk sentiasa berwaspada apabila menerima panggilan telefon atau pesanan ringkas daripada nombor-nombor yang tidak dikenali, sama ada tempatan atau antarabangsa, terutamanya sekali jika tidak ada jangkaan atau perjanjian untuk dihubungi. BDCB menasihatkan orang ramai untuk:
  - 2.1. Sentiasa berhati-hati apabila menerima panggilan atau pesanan ringkas daripada nombor yang tidak dikenali;
  - 2.2. Jangan mengongsikan maklumat peribadi, terutamanya maklumat berkaitan dengan urusan perbankan kepada individu/organisasi/entiti yang tidak dikenali tanpa pengesahan. Ini termasuk:
    - Butiran pengenalan diri (seperti nombor kad pengenalan atau/dan paspot);
    - Butiran ATM, kad kredit dan debit termasuk nombor-nombor PIN dan CVC/CVV; dan
    - Nama pengguna atau kata laluan dalam talian (*online usernames or passwords*).
  - 2.3. Jangan memindah atau mengirim wang kepada individu/organisasi/entiti yang tidak dikenali, sama ada di dalam atau ke luar negara.
3. BDCB ingin menegaskan bahawa sesiapa yang menggunakan nama atau logo BDCB tanpa kebenaran bertulis atau menggunakan nama, simbol, rekabentuk atau lambang BDCB yang serupa atau menyerupai nama, simbol, rekabentuk atau lambang BDCB untuk memperdaya/menipu atau menyebabkan kekeliruan atau berkemungkinan untuk memperdaya/menipu atau menyebabkan kekeliruan merupakan kesalahan di bawah Bab 74A Perintah BDCB, 2010. Jika disabit kesalahan,

hukuman denda tidak melebihi BND20,000, penjara tidak melebihi tujuh tahun, atau kedua-duanya sekali boleh dijatuhkan.

4. Jika menerima bahan komunikasi berkaitan BDCB yang disyaki palsu, orang ramai bolehlah mendapatkan pengesahan dengan menghubungi BDCB melalui talian 8318388 atau emel [info@bdcg.gov.bn](mailto:info@bdcg.gov.bn).
5. BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 20 Zulkaedah 1444H / 9 Jun 2023M

Rujukan: BDCB/COMMS/3

---

Brunei Darussalam Central Bank mempunyai empat objektif utama iaitu untuk: mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik; memastikan kestabilan sistem kewangan, melalui peraturan kewangan dan piawaian yang berhemat; membantu dalam mengadakan sistem pembayaran yang cekap; dan menggalakkan dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh serta progresif.